

UNTUK SIARAN SEGERA KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA MULAKAN LANGKAH PEMULIHAN EKONOMI

Cyberjaya, 11 Jun 2020 – Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) menyambut baik Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini yang turut memberi tumpuan khusus untuk memulihkan ekonomi digital negara menerusi perancangan teliti.

Ekonomi digital terbukti telah memainkan peranan penting ketika penularan pandemik Covid-19 manakala keterbatasan yang wujud memerlukan tindakan pantas untuk melaksanakan pelan pemulihan.

Meningkatkan Penerapan Digital

Peruntukan menerusi PENJANA dijangka akan merangsang ekonomi digital serta meningkatkan keyakinan pasaran ketika negara memasuki tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) selepas menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

PKS dan usahawan mikro : Kerajaan menyediakan peruntukkan RM700 juta menerusi pemberian geran dan pinjaman bagi membolehkan lebih banyak syarikat berstatus perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat peringkat pertengahan untuk menerapkan penggunaan teknologi digital dalam operasi dan saluran perdagangan mereka. Ini turut membabitkan Geran Padanan Digital PKS sebanyak RM100 juta yang disediakan dengan kerjasama syarikat telekomunikasi serta peruntukkan sebanyak RM500 juta di bawah Dana Transformasi Teknologi PKS sebagai pinjaman mudah (permohonan akan dibuka pada bulan depan). Turut disediakan Geran Automasi Pintar berjumlah RM100 juta. MDEC ketika ini sedang menyelaraskan beberapa pengumuman bantuan terdahulu untuk membantu PKS selain inisiatif baharu PENJANA.

Pada Februari 2020, Bank Simpanan Nasional (BSN) ditugaskan oleh Kementerian Kewangan untuk memimpin kerjasama strategik dengan Bank SME dan MDEC untuk menyalurkan Geran Padanan Pendigitalan PKS berjumlah RM500 juta dalam tempoh lima tahun yang memanfaatkan 100,000 perniagaan kategori berkenaan.

Digitalisasi masih dianggap baharu dan atas faktor berkenaan, banyak program masih berada pada peringkat permulaan. Sehubungan itu, MDEC

akan bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk mengenal pasti kaedah terbaik untuk mengesan serta memastikan anggaran sebanyak 907,065 PKS tempatan menerima manfaat menerusi insentif ini.

Sehingga kini, inisiatif pendigitalan PKS yang dilaksanakan oleh MDEC telah melibatkan sebanyak 230 syarikat penyedia penyelesaian teknologi menerusi 595 penyelesaian digital yang telah membantu lebih 200 PKS tempatan. Di bawah program 100 Go Digital pula, MDEC telah membantu lebih 100,000 PKS di seluruh negara menerusi kerjasama dengan 12 rakan industrinya.

Industri Kandungan Kreatif Digital: MDEC juga akan bekerjasama dengan MyCreative Ventures dan rakan industri yang lain untuk merancang program pemulihan pasca Covid -19 dan untuk memacu pertumbuhan industri kandungan kreatif menerusi pelbagai program dan pinjaman mudah. Peruntukan RM225 juta yang disediakan akan membantu industri kreatif yang membabitkan seni, budaya, hiburan, kandungan kreatif dan pengurusan acara untuk bangkit semula kerana sebahagian besar aktiviti sektor ini terhenti akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu. Bagi memacu industri Kandungan Kreatif Digital pula, MDEC telah diberi peruntukan berjumlah RM35 juta dan pengumuman lanjut akan dibuat sedikit masa lagi selepas perinciannya dimuktamadkan.

Reskilling dan Upskilling: RM25 juta yang diperuntukkan kepada MDEC untuk program Global Online Workforce (GLOW) yang telah dilaksanakan sejak 2017, bermatlamat untuk memperkenalkan peluang 'kerjaya' sebagai freelancer seterusnya mampu menjana pendapatan tinggi dalam talian. Menerusinya, peserta akan diberi pendedahan, latihan dan bimbingan untuk mengenalpasti potensi dan minat mereka serta platform-platform atas talian yang boleh disertai. Asas ini membolehkan mereka menjana pendapatan bulanan tetap sekurang-kurangnya RM2,000. Usaha crowdsourcing MDEC melalui program eRezeki dan GLOW telah mencapai hasil dengan meningkatkan taraf pendapatan kumpulan B40 dan M40.

Sepanjang 2019, seramai 134,717 tenaga kerja digital berjaya menjana pendapatan sebanyak RM474.24 juta melalui program eRezeki dan GLOW.

MDEC juga akan terus memberi sokongan kepada agensi-agensi kerajaan lain susulan peruntukan RM2 bilion untuk program reskilling dan upskilling untuk pekerja muda dan penganggur. Ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada lebih 200,000 rakyat negara ini.

E-DAGANG

Lebih menggembirakan, suntikan dana untuk melaksanakan Kempen Shop Malaysia Online boleh disifatkan sebagai pelengkap kepada pengumuman YAB Perdana Menteri. Ketika ini, pasukan e-dagang MDEC sedang memperhalusi kaedah pelaksanaan bersama Kementerian Kewangan. Kempen ini bertujuan menggalakkan aktiviti membeli-belah dalam talian menerusi pemberian kod promosi dan pelbagai baucar diskaun melalui platform e-dagang. MDEC menjangkakan pertumbuhan sumbangan e-dagang sebanyak 20 peratus kepada ekonomi digital tahun ini walaupun PKP dilaksanakan. Pertumbuhan yang diunjurkan yakin dapat dicapai melalui penglibatan aktif pelbagai rakan ekosistem. MDEC melihat sektor ini berpotensi dengan jangkaan sumbangan sehingga RM170 bilion terhadap KDNK negara tahun ini.

Memulakan fasa pemulihan ekonomi

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri berkata, ketika ini masyarakat global sedang berubah ke arah penerapan digital berikutan pandemik Covid-19. Namun demikian beliau menegaskan, di sebalik norma baharu seperti amalan penjarakan sosial dan polisi bekerja dari rumah, organisasinya meneruskan tugas membantu rakyat, perniagaan serta memberi keyakinan kepada pelabur bahawa Malaysia telah menerapkan inovasi digital.

"Sebenarnya, Gerakan #DigitalVsCovid diperkenalkan MDEC pada bulan Mac lalu dengan menawarkan bantuan kepada PKS membabitkan penyelesaian digital. Ini merupakan contoh inovasi segera oleh MDEC. Saya berbangga kerana ia telah menginspirasi ekosistem digital yang lebih inklusif,"katanya.

Pada masa sama, beliau turut menyeru supaya komuniti perniagaan merebut peluang tanpa mengambil kira latar belakang perniagaan untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem digital negara yang telah memulakan proses pemulihan ekonomi. Katanya, PENJANA merupakan 'pakej sokongan' yang dilancarkan tepat pada masanya untuk memulihkan pendapatan, gaya hidup dan serta memberikan bantuan kepada rakyat dan perniagaan untuk mengatasi cabaran semasa dan terus melangkah ke hadapan.

-Tamat -

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah selian Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif-inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Negara 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward #DigitalvsCovid

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec